

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR
[SILAM]
TARIKH : 18 MAC 2014 (SELASA)
SOALAN : Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan melalui Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011- 2020 apakah keberhasilan dasar tersebut terhadap penanaman tanaman makanan tempatan seperti sayuran, buah buahan tempatan sentiasa terpelihara dalam keadaan yang boleh dibekalkan kepada keperluan dalaman negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah Dasar Agromakanan Negara (DAN), 2011-2020, usaha ditumpukan ke arah menjamin bekalan makanan yang mencukupi, selamat dimakan dan perluasan akses pasaran melalui program peningkatan produktiviti dan pemasaran. Inisiatif jaminan bekalan makanan ditumpukan kepada pengeluaran beras, sayur-sayuran dan buah-buahan, daging dan ikan makanan bagi mencapai sasaran peningkatan pengeluaran menjelang tahun 2020.

Secara keseluruhannya, pengeluaran industri agromakanan yang merangkumi subsektor tanaman, perikanan dan ternakan di bawah DAN mencatat pertumbuhan positif daripada pengeluaran sebanyak 9.35 juta tan metrik pada tahun 2012 kepada 9.83 juta tan metrik pada tahun 2013.

DAN telah menggariskan beberapa strategi dan pelan tindakan bagi memastikan pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan memenuhi keperluan

domestik. Ini dihasilkan melalui beberapa program utama seperti pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), projek pembangunan tanah terbiar, projek kelompok, pembangunan kawasan luar jelapang padi untuk tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan, penanaman secara integrasi dengan tanaman industri, mempergiat pembangunan varieti dan klon buah-buahan dan penambahan kawasan baru bagi tanaman sayur-sayuran seluas 8,300 hektar dan tanaman buah-buahan seluas 23,000 hektar menjelang 2020.

Pengeluaran sayur-sayuran menunjukkan pertumbuhan yang positif apabila meningkat sebanyak 20.2% kepada 974 ribu tan metrik berbanding sasaran 777 ribu tan metrik pada tahun 2012 dan peningkatan 12.8% kepada 978 ribu tan metrik berbanding sasaran 853 ribu tan metrik pada tahun 2013. Ini menyumbangkan kepada peningkatan SSL sayur-sayuran pada tahun 2012 iaitu mencatat 58.6% berbanding sasaran 46%, dan 56.9% berbanding sasaran 48.6% pada tahun 2013.

Sejak DAN dilancarkan pengeluaran buah-buahan disasarkan buah-buahan didapati menunjukkan peningkatan yang baik. Walau bagaimanapun, pengeluaran buah-buahan pada tahun 2012 didapati kurang 18.5% daripada sasaran 1.890 juta tan metrik. Manakala pengeluaran pada tahun 2013, kurang sebanyak 22.4% berbanding sasaran iaitu 1.962 juta tan metrik. Kekurangan pengeluaran ini menyebabkan penurunan dalam Tahap Sara Diri (SSL) buah-buahan pada tahun 2012 dan 2013 ke tahap 57.9% dan 57.2% berbanding sasaran 67.4% pada tahun 2012 dan 68.4% pada tahun 2013. Pengeluaran buah-buahan ini menurun disebabkan beberapa faktor khususnya serangan penyakit dan perosak seperti moko untuk tanaman pisang dan mati rosot untuk tanaman betik.